

1. Berita itu _____ laporan berita asing.

- ☐ A berlatarkan
- ☐ B beralaskan
- ☐ C berdinginkan
- ☐ D bersumberkan



2. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Helikopter yang _____ di kawasan Genting Sempah itu dipercayai mengalami kerosakan enjin.

- ☐ A terjatuh
- ☐ B terbenam
- ☐ C terhumban
- ☐ D terhempas

3. Kak Huda memuji kecantikan baju pertunangan kakak yang _____ di dalam almari itu.

- ☐ A terpapar
- ☐ B terhampar
- ☐ C tergantung
- ☐ D terbentang

4. Pengunjung yang bertuah itu _____ dengan hadiah-hadiah yang menarik.

- ☐ A pergi
- ☐ B undur
- ☐ C pulang
- ☐ D kembali

5. Keadaan di stadium bola sepak itu sungguh gamat semasa para pemain _____ ke tengah padang.

- ☐ A terbit
- ☐ B timbul
- ☐ C masuk
- ☐ D muncul

6. Semua tetamu _____ tatkala mendengar kemerduan suara Puan Lina mendendangkan lagu Seri Mersing.

- ☐ A terkejut
- ☐ B terpegun
- ☐ C tersentak
- ☐ D terperdaya

7. Murid-murid yang _____ di pusat beli-belah itu telah ditahan oleh pihak berkuasa kerana disyaki ponteng sekolah.

- ☐ A bertaburan
- ☐ B berpelesiran
- ☐ C bertempiran
- ☐ D bergelimpangan

8. Pak Wahid menyara kehidupan keluarganya dengan _____ secara kecil-kecilan di warungnya.

- ☐ A berniaga
- ☐ B berkebun
- ☐ C berternak
- ☐ D bersawah

9. Amalan mengutamakan keselamatan semasa berada di jalan raya perlu dipraktikkan supaya kita _____ daripada bahaya.

- ☐ A tertutup
- ☐ B tersekat
- ☐ C terhindar
- ☐ D terbantut

10. Kakak mengemas bukunya yang _____ di atas meja itu setelah disuruh oleh Ibu.

- ☐ A bertaburan
- ☐ B bertempiran
- ☐ C berhamburan
- ☐ D bergelimpangan

11. Sudah berhari-hari Puan Hamidah _____ di hospital kerana masalah pernafasan.

- ☐ A terlanar
- ☐ B terkandas
- ☐ C terdampar
- ☐ D terhampar

12. Datuk menghalau monyet-monyet yang _____ di atas pokok jambu di belakang rumahnya.

- ☐ A berpaut
- ☐ B berjuntai
- ☐ C bergayut
- ☐ D bersangkut

13. Sekumpulan budak lelaki yang sedang bermain itu lari _____ apabila disergah oleh seorang lelaki yang kurang siuman.

- ☐ A bertaburan
- ☐ B berselerakan
- ☐ C berhamburan
- ☐ D bertempiran

14. Farisha _____ manis apabila disapa oleh pemuda tersebut.

- ☐ A tersenyum
- ☐ B terbabas
- ☐ C terpegun
- ☐ D terduduk

15. Keuntungan bulanan yang diperoleh Tauke Tan daripada perniagaan borongnya semakin _____.

- ☐ A menambah
- ☐ B meningkat
- ☐ C menipis
- ☐ D menaik

16. Ibu melarang adik makan makanan yang _____ itu kerana telah dihinggap lalat.

- ☐ A tersingkap
- ☐ B terdedah
- ☐ C terbuka
- ☐ D terabai

17. Para nelayan dilarang _____ ke laut ekoran amaran angin kencang dan laut bergelora yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

- ☐ A turun
- ☐ B keluar
- ☐ C masuk
- ☐ D datang

18. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Kereta yang dipandu oleh Lee Mun _____ dengan sebuah lori di simpang empat jalan itu.

- ☐ A bertemu
- ☐ B berjumpa
- ☐ C bercantum
- ☐ D berlanggar

19. Semua pekerja di syarikat itu dibenarkan _____ untuk mengemukakan pendapat mereka tentang kebajikan pekerja.

- ☐ A bertutur
- ☐ B berucap
- ☐ C berbunyi
- ☐ D bersuara

20. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pemuda itu tersungkur lalu _____ di muka pintu pejabatnya.

- ☐ A terjunam
- ☐ B terperosok
- ☐ C terhumban
- ☐ D tersembam